

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

20. Sekiranya berlaku lagi wabak seperti COVID-19, apakah tahap kesediaan kerajaan dalam menangani isu bekalan makanan, perubatan, air dan fasiliti *hospitalisation*?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri sentiasa dalam keadaan bersedia dalam menghadapi apa-apa juga bencana yang menimpa negeri ini. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) sering bermesyuarat dan membincangkan perkara-perkara yang melibatkan kesiapsiagaan pengurusan bencana bersama-sama jabatan-jabatan teknikal lain di negeri ini.

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang bertindak selaku Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri bertindak untuk menyelaras segala keperluan dan maklumat berkaitan bencana dan perkara ini merupakan perkara utama yang dilihat oleh APM dan dibentangkan di dalam mesyuarat JPBN untuk makluman YB Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi JPBN.

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan agensi dan kementerian seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Pertanian dan lain-lain lagi dalam memastikan agar bekalan barang asas dan bekalan makanan adalah mencukupi untuk seluruh rakyat negeri ini terutama sekali semasa berlakunya kejadian bencana. JPBN dan JPBD juga sentiasa memastikan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) agar berada pada tahap yang optimum dan

bersedia untuk menghadapi situasi bencana terutama sekali kesiapsiagaan wad-wad dan anggota paramedik yang perlu dikerahkan pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, kolaborasi dengan hospital swasta juga telah dimulakan di peringkat persekutuan mahupun negeri sebagai persediaan untuk menerima pertambahan kemasukan pesakit kes-kes wabak pandemik sekaligus membantu mengurangkan beban hospital kerajaan yang sedia ada.